

Malaysia negara biasa?

Oleh KHAIRUL ANUAR MASUAN

UM - 26/4/2007

KITA sudah tentu maklum dengan kenyataan menteri mentor Singapura Lee Kuan Yew yang mengatakan bahawa Malaysia adalah negara biasa. Diberitakan juga bahawa bukan Malaysia sahaja yang dikaitkan malah Thailand, Filipina, Indonesia, Vietnam, Australia, Denmark, dan New Zealand. Mungkin jika diberikan peluang mungkin seluruh negara di dunia ia dikatakan biasa kecuali Singapura. Kenyataan tersebut tentu mengundang pelbagai reaksi dari negara-negara yang telah dikaitkan oleh beliau.

Dikatakan juga bahawa Singapura memerlukan sebuah kerajaan bergred tinggi dan republik itu beria-ia untuk mendapatkan pemimpin yang 'bergred tinggi' juga. Atau dengan kenyataan tersebut menunjukkan bahawa negara-negara selain Singapura mempunyai pemimpin yang bergred rendah jika dibandingkan dengan Singapura sehingga kenaikan gaji menteri-menterinya amat wajar. Atau penduduk-penduduk negara lain tidak kisah pun kenaikan gaji menteri-menteri Singapura; lebih-lebih lagi kenaikan gaji pemimpin-pemimpin dinegara mereka sendiri jika kewajaran yang diberikan sudah cukup diterima berbanding penduduk Singapura.

Atau pemimpin mentor ini bersifat terlalu *apologetik* atau 'mengadu alah' apabila menteri-menterinya diberikan gaji tinggi sedangkan pemimpin lainnya berpada dengan apa yang ada tetapi perancangan masa hadapannya lebih progresif. Kata-kata pemimpin ini "masalah yang kita hadapi sekarang ialah bagaimana hendak menarik lebih banyak pemimpin berbakat, bagaimana hendak mencari dan memujuk yang terbaik ini ke Parlimen" sudah cukup membayangkan bahawa mereka sudah melihat akan kelesuan tenaga baru untuk memimpin. Mungkin inilah yang menjadikan Singapura negara luar biasa - apabila pemimpin yang baik perlu dipujuk untuk memimpin.

Kita semua akui bahawa Malaysia adalah negara biasa sepertimana negara-negara yang dikaitkan oleh pemimpin ini. Ini kerana jika diperhatikan bahawa setiap negara tersebut mempunyai kekuatan yang unik terutamanya dari kekuatan perancangan ekonomi. Saya bangga menjadi negara yang biasa kerana di situlah terletak kemakmuran dan bukannya negara luar biasa yang menuju ke arah kecelaruan kepimpinan. Saya berpada dengan apa yang ada tetapi pemimpin saya yang berpada itu memimpin saya untuk lebih maju ke hadapan bersama-sama beliau. Saya berusaha bukan dalam keterpaksaan tetapi dengan rela hati saya.

Berapa ramai orang di sana bekerja kerana terpaksa dan mengikut undang-undang pun kerana terpaksa. Di samping itu pula saya pasti bahawa ramai rakyat Singapura begitu gembira apabila berada di negara yang biasa ini dari negara luar biasa. Kami rakyat Malaysia malah mengundang mereka ke sini sebagai pelancong dan juga jiran tetangga. Kami juga menjemput mereka untuk sama-sama hadir merayakan ulang tahun kemerdekaan ke-50 tahun negara Malaysia yang biasa ini. Anda semua tetamu biasa kami dengan makna sering ke sini dan bukannya biasa yang diistilahkan melukut di tepi gantang. Silakan ke Malaysia.